

SOALAN NO: 43

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
TARIKH : KHAMIS, 16 NOVEMBER 2017
RUJUKAN : L15 [PR-1353-L03478]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah signifikan mengenai 'Project River Of Life' yang dibina di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, Projek *EPP5 : River of Life (RoL)* di bawah *NKEA Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley* dilaksanakan bagi mentransformasikan Sungai Gombak dan Sungai Klang kepada ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi. Objektif utama projek *RoL* adalah:

- i) Meningkatkan kualiti air dari kelas V ke kelas IIB bagi 10.7 km di sepanjang Sungai Klang dan Sungai Gombak menjelang Tahun 2020;
- ii) Meningkatkan aktiviti ekonomi dan kualiti hidup rakyat dengan merubah wajah koridor Sungai Klang dan Sungai Gombak menjadi kawasan yang ceria, berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi; dan
- iii) Membangunkan tanah-tanah Kerajaan yang berpotensi di sekitar lokasi Projek *RoL*.

Projek *RoL* ini dilaksanakan secara berperingkat bermula dari Tahun 2011 yang terdiri daripada 3 komponen utama iaitu Pembersihan Sungai, Pengindahan Sungai dan Pembangunan Tanah. Secara keseluruhannya, status pelaksanaan Projek *RoL* telah mencatat kemajuan sebanyak 76% dan dijangka siap pada Tahun 2020.

91

Tuan Yang di-Pertua,

Kos keseluruhan Projek Kolam Biru di kawasan pertembungan Sungai Klang dan Sungai Gombak adalah berjumlah RM79 juta dan kos Pengindahan Sungai Fasa 1 bagi Presint 7 dari St. Mary's Cathedral hingga ke Pasar Seni sepanjang 2.1 km adalah RM130 juta.

Projek Kolam Biru adalah pelengkap kepada Projek *RoL*, Presint 7 dan memberikan pemandangan menarik gabungan bangunan warisan dengan bangunan moden Bandaraya Kuala Lumpur di pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Klang.

Projek ini telah mewujudkan satu ikon baharu tarikan pelancong di Bandaraya Kuala Lumpur.

Kementerian sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dengan mengadakan pemantauan secara berkala dan memastikan peruntukan dibelanjakan mengikut kos siling yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, pihak Kementerian telah menetapkan *Key Performance Indicator (KPI)* sebagai sasaran yang perlu dicapai oleh Agensi Pelaksana.